

Angkasa, Cuepacs jalin kerjasama

KUALA LUMPUR - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) akan menjalin kerjasama strategik dengan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) bagi menjaga kepentingan ahli koperasi yang terdiri daripada penjawat awam.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, antara isu diberi tumpuan ialah cara tangani kenaikan kos sara hidup.

"Kita akan bincang dengan Cuepacs apa komponen penting dalam perbelanjaan harian kakitangan kerajaan. Contohnya kos menghantar anak-anak ke pusat penjaga, di luar bayarannya RM300 mungkin kita boleh kurangkan jadi RM150.

"Begitu juga dengan barang keperluan harian, kedai yang diuruskan koperasi tak ada GST. Ini kaedah yang kita boleh buat untuk kurangkan kos sara hidup kakita-

ngan kerajaan," katanya selepas perasmian mesyuarat agung perwakilan tahunan ke-35 Koperasi Kospeta, semalam.

Sementara itu, Presiden Cuepacs yang juga Presiden Kospeta, Datuk Azih Muda berkata, kerjasama Cuepacs dan Angkasa perlu dikekalkan memandangkan terdapat 1.6 juta penjawat awam daripada 8 juta ahli koperasi secara keseluruhan.

"Jumlah itu tidak termasuk 750,000 pesara dan keseluruhan terdapat 2.3 juta ahli koperasi daripada penjawat awam dan bekas penjawat awam.

"Kerjasama strategik ini akan merangkumi banyak perkara yang bukan saja untuk kepentingan kita tetapi turut beri pengukuhan kepada kerajaan," katanya.

Beliau turut berharap kerajaan akan memanggil kedua-dua pertubuhan itu bagi beri pandangan dalam konsultasi bajet negara.